

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# Pertambahan satu lagi kerusi perlu, kata Najib

**DEWAN** Undangan Negeri Pahang yang bersidang sehari meluluskan rang undang-undang (pindaan) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, Bahagian Kedua 1983 untuk membolehkan tambahan satu kerusi dalam Dewan Negeri.

Setakat ini Dewan Undangan Negeri Pahang hanya mempunyai 32 kerusi iaitu 30 dari Barisan Nasional dan dua kerusi pembangkang DAP.

Menteri Besar, Datuk Najib Tun Abdul Razak ketika membentangkan rang undang-undang itu berkata, pindaan itu perlu bagi menambahkan kerusi keanggotaan Dewan Undangan Negeri dari 32 kepada 33 kerusi.

"Ini bermakna jumlah ahli Dewan Undangan Negeri dan kawasan pilihanraya di Pahang bertambah satu kerusi lagi dalam pilihanraya umum akan datang," katanya.

Pindaan itu dilakukan berikutan Dewan Rakyat yang bersidang Julai lalu meluluskan keanggotaan ahli Dewan dipinda dari 154 orang kepada 176 orang semuanya.

Menurut Datuk Najib, pindaan kawasan pilihanraya Persekutuan dan negeri yang diputuskan tahun ini sesuai pada masanya kerana ia tidak diubah sejak 1973.

Katanya, pertambahan itu perlu kerana jumlah pengundi di Pahang juga meningkat.

Dalam tahun 1974, jumlah pengundi di Pahang seramai 207,792 orang, meningkat kepada 328,163 orang pada tahun 1982.

"Ini bermakna dalam tempoh sembilan tahun, jumlah pengundi di Pahang bertambah hampir 60 peratus.